

POKET SAMPAH

Oleh

Abdul Gapar bin Haji Abu Bakar

Sek. Keb. Lubok Antu,
Jalan Temenggong Simpi,
95900 Lubok Antu, Sri Aman

Abstrak

Kertas ini membicarakan mengenai satu projek kajian tindakan berkaitan dengan membentuk satu gerak tindakan mengutip sampah di kalangan murid-murid Tahun Lima Teratai SK Lubok Antu. Kajian ini cuba menunjukkan proses tindakan yang timbul dari dalam diri murid-murid, unsur kesedaran dan tanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran. Kajian ini juga membantu sekolah untuk merealisasikan program sampah sifar. Walau bagaimanapun, kertas kajian ini hanya memaparkan perancangan program ini.

MUKADIMAH

Saya bertugas di Sekolah Kebangsaan (SK) Lubok Antu, Daerah Lubok Antu dalam Bahagian Sri Aman, Sarawak. Saya mendapat latihan perguruan di Maktab Perguruan Rejang, Bintangor. Saya mula bertugas di SK Lubok Antu pada tahun 2002 setelah menerima tawaran naik pangkat sebagai Penolong Kanan Ko-kurikulum. Sebelum ini, saya telah mengajar di beberapa stesen dalam Bahagian Sri Aman.

Di SK Lubok Antu, saya mengajar subjek-subjek seperti Bahasa Melayu, Pendidikan Moral serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. SK Lubok Antu adalah sebuah sekolah rendah yang terbesar dari segi jumlah murid di Daerah Lubok Antu. Sekolah ini menempatkan seramai 503 orang murid yang majoritinya adalah kaum Iban. Separuh daripada jumlah tersebut menginap di asrama sekolah. Jumlah guru dan kakitangan sekolah adalah seramai 38 orang.

KEPRIHATINAN SAYA

Kajian ini bermula ketika saya berdepan dengan keadaan sampah yang merata-rata di sekitar sekolah khususnya selepas waktu rehat sekolah. Waktu rehat sekolah adalah pada pukul 10.10 pagi. Sememangnya, peraturan sekolah sangat jelas tentang tanggungjawab murid terhadap sampah. Di samping itu, nasihat dan teguran para guru boleh didengar hampir setiap masa. Namun, perangai tidak bertanggungjawab ini masih berleluasa.

Saya berkesempatan bertanya beberapa orang guru yang mengajar di sekolah ini. Jawapan yang diberikan mengatakan bahawa tabiat dan perangai murid-murid yang tidak bertanggungjawab dan tiada sikap sayang serta cintakan sekolah merupakan antaran faktornya.

Keadaan sedemikian dapat dilihat di dalam asrama, tempat penginapan separuh daripada jumlah murid SK Lubok Antu. Sampah-sarap merata-rata dan tempat tidur tidak terurus mendorong saya untuk cuba menjalankan kajian tindakan ini.

FOKUS KAJIAN

Saya memfokuskan kajian terhadap membina sikap mengutip sampah dan menerima penghargaan di atas tindakan tersebut. Dalam melaksanakan kajian ini, saya memperoleh maklumat kajian melalui temu bual dengan guru-guru kelas serta guru subjek Pendidikan Moral dan murid-murid kelas tahun 5 Teratai.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- (a) membentuk sikap positif murid-murid terhadap persekitaran, dan
- (b) menambah baik amalan sendiri dengan menggunakan pendekatan tingkah laku.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini berkisar pada soalan-soalan berikut:

- (a) Apakah pendekatan tingkahlaku melalui pemberian "token" atau ganjaran dapat membantu meningkatkan kesedaran murid terhadap sampah?
- (b) Adakah wujud kaedah lain untuk mengubah tabiat dan perangai murid-murid terhadap sampah?

PERANCANGAN TINDAKAN

Pada peringkat permulaan, murid-murid Tahun 5 Teratai yang seramai 45 orang diberi penerangan mengenai kajian tindakan ini. Ini penting kerana mereka ialah subjek dalam kajian ini selain saya sendiri. Dalam pada itu, beberapa orang guru yang dipilih juga hadir bersama-sama. Murid-murid dimaklumkan bahawa tugasan yang akan mereka lakukan amat mudah.

Tugasan mereka adalah untuk mengutip sampah di sekitar kawasan sekolah. Sampah-sarap yang telah dikumpul akan dimasukkan ke dalam sebuah tong sampah yang dinamakan poket sampah. Poket sampah ini adalah tong sampah biasa. Seperti tong-tong sampah lain, ia merupakan tempat membuang sampah yang cuma sedikit berbeza dari segi warnanya. Poket sampah berwarna putih. Ia diletakkan di satu tempat strategik agar dapat dilihat dengan jelas dan menjadi satu benda yang memberi perhatian kepada murid-murid, guru-guru lain dan sesiapa sahaja yang melawat sekolah.

Apa yang menarik mengenai poket sampah ini kepada murid-murid adalah apabila mereka telah membuang sampah ke dalamnya, murid-murid akan mengambil kad "ucapan tahniah dan arahan berikutnya" daripada guru. Kad-kad ini merupakan kad penghargaan kepada murid-murid yang telah melaksanakan tugas mereka. Contoh-contoh kad-kad tersebut adalah seperti pada Lampiran 1. Setiap kali setelah melaksanakan tugas yang tercatat di dalam kad tersebut, murid-murid akan mengambil kad baru daripada guru. Oleh sebab projek ini hanya dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan, maka ucapan dan arahan dalam kad-kad tersebut disediakan berbeza-beza mengikut kesesuaian.

Aspek-aspek lain yang ditekankan adalah keikhlasan dan kejujuran. Aspek nilai ini lahir perlu dalam diri murid-murid. Penekanan kepada aspek ini adalah secara maksimum dan tindakan menghukum jika gagal melaksanakan adalah minimum. Apa yang penting di sini ialah kesedaran perlu timbul dalam diri mereka sendiri tanpa paksaan. Dengan cara ini, kerja pemantauan daripada pihak guru dapat dikurangkan. Di samping itu, murid-murid digalakkan bergerak dalam kumpulan bertiga, berempat atau sekurang-kurangnya berpasangan asalkan dalam kumpulan kecil.

REFLEKSI

Refleksi dibuat berdasarkan aspek-aspek seperti berikut:

ASPEK-ASPEK REFLEKSI	CATATAN
1. Pengalaman /perasaan <ul style="list-style-type: none">• Dilema	menjalankan kajian ini memerlukan kekuatan dalam diri saya. Minat yang dominan dalam <i>trait</i> peribadi seseorang adalah satu kekuatan. Sebaliknya, jika <i>trait investigative</i> kurang terdapat seseorang seperti pada diri saya, sering berlaku konflik untuk menyiapkan atau meneruskan tugas. Ada-ada sahaja perkara yang menghambat usaha itu. Kadang-kadang perkara yang menghambat boleh dan dapat diurus sendiri dengan mudah. Ini merupakan dilema saya.

2. Masalah pelaksanaan penyelidikan	<ol style="list-style-type: none">1. Sikap dan tabiat suka membuang sampah yang sudah melekat dalam diri murid-murid agak payah diubah dalam masa yang pendek.2. Tidak semua murid yang boleh membaca. Keadaan ini merumitkan mereka yang berkenaan untuk menghayati konsep sebenarnya projek ini.3. Memerlukan kesabaran yang tinggi dalam menangani beberapa masalah yang timbul dan dalam membentuk sikap serta tabiat baru murid-murid.
3. Tindakan lanjut Membuat pilihan sama ada: a. meneruskan tindakan b. mengubah suai tindakan c. menukar tindakan	Saya akan menggunakan segala ilmu dan pengetahuan yang diperoleh dalam bengkel dan kursus kajian tindakan untuk meneruskan tindakan bagi isu-isu lain pada masa akan datang.

BIBLIOGRAFI

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.

Lampiran 1

Contoh-contoh kad yang dicabut oleh murid-murid yang terlibat selepas membuang sampah di dalam poket sampah.

<p style="text-align: center;">TAHNIAH!!!</p> <p>Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan</p> <p>Sila kutip sampah di sekitar kawasan kantin.</p>

Contoh kad 1

<p style="text-align: center;">TAHNIAH!!!</p> <p>Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan</p> <p>Sila kutip sampah di sekitar blok pentadbiran.</p>

Contoh kad 2

TAHNIAH!!!

Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan

Sila kutip sampah di sekitar kawasan Pusat Sumber Sekolah.

Contoh kad 3

TAHNIAH!!!

Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan

Sila kutip sampah di sekitar kawasan Pra sekolah

Contoh kad 4

TAHNIAH!!!

Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan

Sila kutip sampah di sekitar kawasan asrama lelaki.

Contoh kad 7

TAHNIAH!!!

Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan

Sila kutip sampah di sekitar kawasan asrama perempuan.

Contoh kad 8

TAHNIAH!!!

Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan

Sila kutip sampah di sekitar kawasan makmal komputer

Contoh kad 9

TAHNIAH!!!

Anda telah melakukan suatu tindakan yang murni dalam hidup anda. Teruskan

Sila kutip sampah di sekitar kawasan makmal komputer

Contoh kad 10

Ringkasan Sesi

Komen: Tahniah saya ucapkan kepada Cikgu Gapar kerana membenteng kertas kerja. Cikgu Gapar bukannya gagal kerana kajian cikgu masih memberi fokus kepada isu pendidikan. Walaupun cikgu hanya melaporkan perancangan tindakan cikgu, cikgu telah menceritakan kepada pendengar pandangan cikgu. Selain itu, apa yang cikgu lalui adalah satu proses pembelajaran. Sebagai penyelidik, kita tidak mengisahkan keputusan yang berbentuk kejayaan sahaja. Kita sepatutnya mendorong dan memberi sokongan kepada guru kerana proses yang dilalui (Pn. Chuah).

Komen: Tajuk kertas kerja ini adalah di luar bilik darjah dan aspeknya adalah untuk semua orang. Budaya kebersihan gagal diterapkan (Cikgu Abang Adenan).

Komen: Syabas atas keikhlasan pembentangan. Apa yang dibuat merupakan pelan yang baik. Untuk melaksanakan amalan membuang sampah ke dalam tong sampah, guru dan staf sekolah harus memberi contoh yang baik iaitu guru sendiri mengutip sampah dahulu (Cikgu Storey).

Komen: Sampah terdapat di mana-mana. Cadangannya ialah jangan diberi tong sampah tetapi plastik dan kemudiannya dibuang ke dalam tong sampah Majlis Daerah. Arahan perlu diberi untuk pastikan tidak ada sampah dalam kelas sebelum memulakan p&p (Cikgu Kelana).

Komen: Sememangnya hendak dengar perkara positif melalui PT. Adalah diharapkan kertas kerja yang tidak sempurna ditapis dahulu kajian sebelum pembentangan agar dapat menarik minat audiens serta peserta yang hadir boleh mendapat manfaat daripada seminar ini. Dicapangkan apa yang sesuai untuk sekolah perlu diberi penekanan (Cikgu Alban).

Dilaporkan oleh:

Cikgu Mary Kong
Sek. Jenis Keb. Cina Chung Hua Bangkong